

Pengerusi SIRIM terima anugerah pingat dari Jepun

WARTAWAN SINAR HARIAN | 06 Apr 2019



Ahmad Tajuddin menerima pingat kebesaran 'The Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon' dari Miyagawa pada majlis yang diadakan di Kedutaan Jepun, Kuala Lumpur, Khamis lalu.

KUALA LUMPUR - Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali, menerima pingat kebesaran daripada Kerajaan Jepun iaitu "The Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon".

Anugerah berkenaan disampaikan kepada beliau oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, TYT Dr Makio Miyagawa dalam satu majlis di kediaman duta itu di Kuala Lumpur.

Menurur Miyagawa, pengiktirafan kepada Ahmad Tajuddin diberikan berikutan sumbangannya dalam menggalakkan kerjasama ekonomi antara Jepun dan Malaysia.

"Ahmad Tajuddin mempunyai kerjaya yang cemerlang di dalam sektor kerajaan dan korporat.

"Beliau telah menerajui organisasi antaranya sebagai Penggerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Penggerusi Gas Malaysia Sdn Bhd dan Penggerusi Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

Pada masa ini, Tan Sri adalah Penggerusi SIRIM Berhad, dan juga MIGHT," katanya pada majlis berkenaan.

Jelas beliau, semasa menjadi Penggerusi Suruhanjaya Tenaga, Ahmad Tajuddin telah menganjurkan persidangan pertama berkaitan bekalan dan permintaan tenaga.

Malahan ujarnya, Ahmad Tajuddin juga telah menyediakan peluang berharga kepada Jepun untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan Malaysia berkenaan bagaimana menambah baik keselamatan tenaga di Malaysia.